

Kakitangan Perhutanan perlu kekal cemerlang

KUANTAN: Kakitangan Jabatan Perhutanan yang menerima anugerah khidmat cemerlang perlu berusaha meneruskan kualiti kerja bagi memastikan semua perancangan jabatan dapat dilakukan dengan sempurna.

Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung, Datuk Razani Ujang, berkata kakitangan juga perlu memberi perhatian sepenuhnya kepada tugas dan mengelak daripada terbabit aktiviti tidak sihat.

Katanya, tanggungjawab yang diamanahkan perlu dipikul dengan sebaik mungkin bagi memastikan setiap tugas dilakukan dapat berjalan lancar.

“saya berharap dengan keimanan yang ada pada diri setiap kakitangan akan dapat

mengelak mereka daripada terbabit perkara yang tidak sihat sehingga menjejaskan imej jabatan.

“Lakukan tugas dengan seikhlas mungkin bagi memastikan rezeki yang diterima setiap bulan lebih berkat,” katanya pada Majlis Penyampaian Anugerah Meraikan Pesara Jabatan Perhutanan negeri di Dewan Utama Kompleks Yayasan Pahang Tanjung Lumpur, di

FAKTA NOMBOR

261

kakitangan

Perhutanan menerima anugerah khidmat cemerlang

sini, kelmarin.

Teks ucapan beliau dibacakan timbalannya, Datuk Masran Salleh. Turut hadir Pengarah Jabatan Perhutanan Negeri, Datuk Mohd Paiz Kamaruzaman.

Pada majlis berkenaan seramai 261 kakitangan Jabatan Perhutanan negeri menerima anugerah khidmat cemerlang 2007 dan 2008, manakala 16 pesara menerima sijil penghargaan.

“Bagi mereka yang tidak menerima anugerah, ini tidak bermakna mereka tidak berkualiti tetapi mungkin masih belum mencapai kehendak dan syarat ditetapkan.

“Saya berharap mereka yang menerima anugerah khidmat cemerlang akan menjadi contoh serta ikutan



MASRAN (duduk lima dari kiri) dan Mohd Paiz (duduk empat dari kiri) bergambar bersama penerima anugerah selepas Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan Meraikan Pesara.

kepada kakitangan lain dalam usaha meletakkan jabatan pada kedudukan terbaik,” katanya.

Sementara itu, Mohd Paiz berkata, semua warga jabatan diharap dapat berganding bahu dan memberikan komitmen tinggi dalam

merealisasikan pengurusan hutan terunggul.

“Pada era globalisasi, kakitangan yang cekap, berkesan, responsif dan berani berubah adalah penting bagi memastikan jabatan terus maju seterusnya dapat mencapai setiap rancangan.

“Sehubungan itu, semua kakitangan dituntut memberi perkhidmatan yang terbaik, memuaskan dan berintegriti dalam usaha mencapai wawasan jabatan untuk muncul agensi yang terunggul dalam menguruskan hutan tropika secara berkekalan,” katanya.